

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jumlah pengeluaran minyak dan gas di Malaysia dan cara pengiraan royalti yang dibayar kepada negeri pengeluaran minyak seperti Sarawak, Sabah dan Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod PETRONAS, jumlah pengeluaran minyak dan gas di Malaysia pada tahun kewangan 2018 berada pada kadar purata 1.7 juta tong setara minyak sehari (*million barrels of oil equivalent – mmbœ/d*).
2. Pada masa ini, PETRONAS perlu membayar sebanyak 10 peratus daripada jumlah hasil pengeluaran kasar minyak dan gas (*gross production*) secara bayaran tunai (*cash payment*) atau lebih dikenali sebagai royalti minyak kepada Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah ini dan bergantung kepada di mana hasil tersebut dikeluarkan, sejumlah 5 peratus akan diterima masing-masing oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri-negeri berkaitan. Dalam hal ini, PETRONAS lazimnya membuat pembayaran 2 kali setahun kepada Kerajaan iaitu pada bulan Februari dan Ogos.
3. Bayaran tunai ini merupakan nilai kasar setong (*gross value per barrel*) pada harga pasaran dan merupakan bayaran yang dibuat tanpa perlu mengambil kira samada pengeluaran minyak dan gas daripada lapangan tersebut menguntungkan ataupun tidak.

Sekian, terima kasih.